

NOTA MAKLUMAN

PERBINCANGAN MEJA BULAT BERKENAAN MENGARUSPERDANAKAN GENDER JABATAN PEMBANGUNAN WANITA

1. TUJUAN

Tujuan nota makluman ini adalah untuk memaklumkan mengenai perbincangan meja bulat berkenaan mengarusperdanakan gender anjuran Jabatan Pembangunan Wanita (JPW).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Gender adalah perbezaan di antara wanita dan lelaki dalam isi rumah yang sama dan di dalam antara budaya yang mana secara sosialnya dan budayanya dibentuk melalui perubahan masa. Perbezaan ini akan memberi impak kepada peranan, tanggungjawab, jangkauan dan kesampaian terhadap sumber, kekayaan peluang, keperluan, persepsi dan lain-lain yang di pegang oleh wanita dan lelaki. Justeru, gender bukannya sesuatu yang sinonim dengan wanita tetapi merupakan pertimbangan bagi kedua-dua jantina lelaki dan wanita serta saling berhubung kait di antara kebergantungannya.

- 2.2 Menurut Engenderhealth 2004, konsep gender masih belum difahami dengan mendalam dan belum ada definisi yang khusus yang masih diperdebatkan termasuklah oleh agensi United Nation (UN) seperti dalam *Fourth World Conference On Women di Beijing*. Gender sering dikelirukan dengan jantina, walau bagaimanapun jantina umumnya dirujuk kepada biologi dan tubuh badan. Tiga ciri biasa yang menggambarkan jantina seseorang iaitu organ luaran jantina, organ dalaman jantina dan pembangunan wanita sekunder pada peringkat akil baligh. Gender pula merujuk kepada peranan dan jangkaan yang sering

dikenal pasti sebagai faktor yang mengganggu hak kesaksamaan dan status wanita dengan kesan yang bertentangan terhadap hidup, keluarga, status sosial ekonomi dan kesihatan. Untuk sebab ini, gender seperti mana jantina adalah elemen penting dalam perancangan keluarga dan perkhidmatan kesihatan.

- 2.3 Isu pembangunan wanita dan kesaksamaan gender merupakan isu yang merentasi pelbagai sektor (*Cross-cutting issue*). Justeru, pelaksanaan program pembangunan wanita memerlukan penglibatan, kerjasama dan sokongan daripada kementerian dan agensi Kerajaan yang bertanggungjawab terhadap kepakaran dan kemahiran tertentu.
- 2.4 Jawatankuasa Kabinet Mengenai Kesaksamaan gender dalam mesyuaratnya pada 6 Disember 2004 telah bersetuju supaya dilantik pegawai gred 54 dan ke atas sebagai *Gender Focal Point* (GFP) bagi setiap Kementerian dan agensi Kerajaan yang berkaitan. Seramai 24 GFP dari semua Kementerian dan 12 orang GFP dari agensi yang berkaitan telah dilantik.
- 2.5 Seterusnya bagi meningkatkan keberkesanan GFP, pelantikan GFP telah dibuat dalam kalangan pegawai peringkat tertinggi iaitu Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian dan Timbalan Ketua Pengarah Jabatan mulai 5 Ogos 2010.
- 2.6 Pelantikan GFP adalah untuk membantu Kerajaan dalam pelaksanaan inisiatif mengarusperdanakan gender, termasuk memastikan dasar dan perundangan yang digubal atau dipinda mengambil kira perspektif gender supaya dapat diintergrasikan dalam semua peringkat perancangan, pengubahan dasar dan pelaksanaan program Kerajaan.

- 2.7 Objektif perbincangan meja bulat ini ialah seperti berikut;
- i. menggerakkan inisiatif untuk mengarusperdanakan gender di peringkat Kementerian dan Jabatan Kerajaan bagi memastikan proses penggubalan dasar dan undang-undang yang dirangka sentiasa mengambil kira perspektif gender;
 - ii. memastikan proses penggubalan dasar dan pelan tindakan serta perancangan program yang lebih efektif demi kepentingan dan kesejahteraan wanita; dan
 - iii. mendapatkan Pelaporan Gender *Focal Point* daripada pihak berkepentingan berkaitan secara berkala dalam perancangan dasar dan pelaksanaan program-program kementerian akan datang.

3. CADANGAN PENGISIAN PERBINCANGAN MEJA BULAT

- 3.1 Pembentangan oleh wakil Kementerian, *United Nation Development Programme (UNDP)* dan Unit Perancangan Ekonomi (EPU).
- 3.2 Antara cadangan tajuk pembentangan adalah seperti berikut:
 - i. Gender Mainstreaming – Ms Sunitha Bisan, *National Council Of Women's Organisations' (NCWO)*
 - ii. *Country Plan Action Plan 2016 – 2020: Strengthening and Enhancing Inclusiveness Of Women Towards An Equitable Society In The 11th Malaysia Plan (2016 – 2020)* yang akan dibentangkan oleh Puan Suriani Kempe, *United Nations Development Programme (UNDP)*
 - iii. *Sharing Knowledge On Gender Mainstreaming – Dr. Jamaluddin Bin Aziz, Universiti Kebangsaan Malaysia*

4. ATURCARA DAN JEMPUTAN

- 4.1 Jemputan GFP (*Gender Focal Point*) adalah seramai 41 orang yang dijemput dari setiap Kementerian yang terdiri daripada gred 54 ke atas serta badan-badan NGO.
- 4.2 *National Council Women Organization* (NCWO) dan *Razak School Of Government* (RSOG) turut memberi kerjasama dalam menjayakan RTD ini.
- 4.3 Atur Cara Tentatif Perbincangan Meja Bulat adalah seperti berikut:

Tarikh : 15 November 2016 (Selasa) Masa : 9.30 Pagi sehingga 12.00 Tengahari Tempat : Dewan Perdana Nur, KPWKM		
9.00 Pagi	:	Pendaftaran
9.30 Pagi	:	Perasmian
9.45 Pagi	:	<p>Pembentangan Kertas Kerja</p> <p>* Gender Mainstreaming – Ms Sunitha Bisan, <i>National Council Of Women's Organisations' (NCWO)</i></p> <p>* Country Plan Action Plan 2016 – 2020: Strengthening and Enhancing The Inclusiveness Of Women Towards An Equitable Society In The 11th Malaysia Plan (2016 – 2020) - Puan Suriani Kempe, <i>United Nations Development Programme (UNDP)</i></p> <p>* Sharing Knowledge On Gender Mainstreaming – Dr Jamaluddin Bin Aziz, Universiti Kebangsaan Malaysia</p>
11.30 Pagi	:	Perbincangan dan Q&A
12.00 Tengah Hari	:	Bersurai

5. JANGKAAN HASIL

- 5.1 Menggerakkan inisiatif untuk mengarusperdanakan isu gender *mainstreaming* di peringkat Kementerian dan Jabatan Kerajaan bagi memastikan proses penggubalan dasar dan undang-undang yang dirangka sentiasa mengambil kira perspektif gender;
- 5.2 Memastikan proses penggubalan dasar dan pelan tindakan serta perancangan program yang lebih efektif demi kepentingan dan kesejahteraan golongan wanita; dan
- 5.3 Mendapatkan input daripada pihak berkepentingan berkaitan mengarusperdanakan gender secara berkala dalam perancangan dasar dan pelaksanaan program-program kementerian di masa akan datang.